



SOALAN LAZIM (FAQ)

KAD KOMUTER LINK BAHARU KTMB INTEGRATED TICKETING SYSTEMS (KITS)

1. Apakah itu Kad Komuter Link?

Kad Komuter Link merupakan Kad Nilai Simpanan yang boleh ditambah nilai untuk membuat pembayaran tambang semasa menggunakan perkhidmatan KTM Komuter. Tambang perjalanan akan ditolak dari nilai simpanan.

2. Bilakah pengenalan Kad Komuter Link baharu akan bermula?

Bermula 28 Februari 2024 (Rabu)

3. Dimanakah Kad Komuter Link ini boleh digunakan?

Kad Komuter Link boleh digunakan di semua stesen KTM Komuter sektor Lembah Klang dan Utara.

4. Dimanakah pelanggan boleh mendapatkan Kad Komuter Link baharu ini?

Pelanggan boleh mendapatkan Kad Komuter Link yang baharu di semua stesen perkhidmatan KTM Komuter sektor Lembah Klang dan Utara.

5. Berapakah harga sekeping Kad Komuter Link ini?

Harga sekeping Kad Komuter Link adalah RM10.00. Setiap Kad Komuter Link akan mempunyai baki kosong.

6. Berapakah baki minima yang perlu ada di dalam Kad Komuter Link yang baharu untuk membuat perjalanan menggunakan perkhidmatan KTM Komuter?

Baki minima yang perlu ada didalam Kad Komuter Link yang baharu sebanyak RM5.00.

7. Apakah yang akan berlaku sekiranya baki di dalam Kad Komuter Link yang baharu tidak mencukupi?

Jika baki Kad Komuter Link yang baharu tidak mencukupi, pintu ACG tidak akan terbuka setelah kad diimbas di ACG.

8. Dimanakah tambah nilai Kad Komuter Link boleh dilakukan

Tambah nilai Kad Komuter Link boleh dibuat di:

- a) Kaunter tiket KTMB
- b) Mesin Kios Tiket (*Ticket Vending Machine* - TVM)

9. Adakah pelanggan perlu mendaftar KITS semasa mendapatkan Kad Komuter Link yang baharu?

Ya, pelanggan perlu mendaftar KITS semasa mendapatkan Kad Komuter Link yang baharu untuk mendapatkan transaksi perjalanan atau pemulangan baki.

10. Dimanakah pendaftaran KITS boleh dibuat?

Pendaftaran KITS boleh dibuat melalui saluran berikut:

- a) Laman sesawang rasmi KTMB (www.ktmb.com.my)
- b) Aplikasi KTMB Mobile
- c) Kaunter tiket KTMB

11. Bolehkah pelanggan mendapatkan Kad Komuter Link baharu tanpa perlu mendaftar KITS?

Tidak. Setiap pelanggan termasuk bukan warganegara perlu mendaftar KITS sebelum mendapatkan Kad Komuter Link di kaunter stesen perkhidmatan KTM Komuter.

12. Apakah tarikh luput Kad Komuter Link?

Kad Komuter Link mempunyai tarikh luput 10 tahun. Kad tidak boleh digunakan selepas 10 tahun daripada tarikh pembelian.

13. Adakah pemindahan baki Kad Komuter Link yang lama boleh dilakukan?

Ya. Pemindahan baki kad Komuter Link yang lama boleh dilakukan ke akaun KTM Wallet atau Kad Komuter Link yang baharu.

14. Dimanakah pemindahan baki Kad Komuter Link yang lama ke Kad Komuter Link yang baharu atau KTM Wallet boleh dilakukan?

Pemindahan baki Kad Komuter Link yang lama ke Kad Komuter Link yang baharu atau ke akaun KTM Wallet hanya boleh dilakukan di Kaunter Komuter Link, Aras 2 KL Sentral sahaja.

15. Bilakah waktu operasi Kaunter Komuter Link?

Waktu operasi Kaunter Komuter Link adalah seperti berikut:

Bil	Hari	Waktu Operasi
1	Isnin – Khamis	<ul style="list-style-type: none">• 9.00 pagi – 1.00 petang• 2.00 petang – 5.00 petang
2	Jumaat	<ul style="list-style-type: none">• 9.00 pagi – 12.30 tengah hari• 2.45 petang – 5.00 petang
3	Sabtu, Ahad & Cuti Umum	Tutup

16. Bilakah tarikh akhir pemindahan baki dari Kad Komuter Link yang lama ke Kad Komuter Link yang baharu atau KTM Wallet?

Tarikh akhir pemindahan baki dari Kad Komuter Link yang lama ke Kad Komuter Link baharu atau KTM Wallet adalah pada 10 Mac 2024 (Ahad).

17. Adakah pengguna konsesi seperti pelajar (untuk Lembah Klang sahaja), warga emas dan OKU) boleh menggunakan Kad Komuter Link baharu ini?

Ya. Pengguna konsesi iaitu pelajar (untuk Lembah Klang sahaja), warga emas dan OKU boleh menggunakan Kad Komuter Link yang baharu.

18. Adakah pengguna konsesi dikenakan bayaran untuk mendapatkan Kad Komuter Link baharu ini?

Ya. Pengguna konsesi perlu membuat pembayaran untuk mendapatkan Kad Komuter Link baharu.

19. Berapakah bayaran yang perlu dibuat oleh pengguna konsesi untuk mendapatkan Kad Komuter Link baharu?

Pengguna konsesi perlu membuat pembayaran sebanyak RM10.00 berserta baki minima RM5.00.

20. Adakah pengguna konsesi (pelajar, warga emas dan OKU) boleh mendapat kadar tambang konsesi apabila menggunakan Kad Komuter Link dan KTM Wallet pada masa yang sama?

Tidak. Pengguna konsesi perlu memilih sama ada menggunakan Kad Komuter Link atau KTM Wallet untuk mendapatkan kadar tambang konsesi. Sekiranya pelanggan menggunakan Kad Komuter Link, pelanggan tidak boleh menikmati harga konsesi di KTM Wallet bagi perkhidmatan KTM Komuter.

21. Adakah pemegang Kad Komuter Link yang baharu akan dikenakan caj penalti sekiranya melanggar peraturan perkhidmatan KTM Komuter?

Ya. Pemegang Kad Komuter Link baharu juga tertakluk kepada caj penalti apabila melanggar peraturan perkhidmatan KTM Komuter.

22. Bagaimanakah caj penalti dikenakan kepada pemegang Kad Komuter Link yang baharu?

Caj penalti dikenakan secara automatik apabila pemegang Kad Komuter Link yang baharu melanggar peraturan semasa imbas masuk atau keluar ACG.

23. Adakah pemegang Kad Komuter Link yang baharu layak untuk mendapatkan mata ganjaran Program Rail Rewards?

Tidak, pemegang Kad Komuter Link yang baharu tidak layak untuk mendapatkan mata ganjaran Program Rail Rewards.

24. Adakah caj akan dikenakan bagi mendapatkan semula baki dalam Kad Komuter Link yang rosak atau hilang?

Ya, caj sebanyak RM30.00 akan dikenakan bagi mendapatkan semula baki dalam Kad Komuter Link yang rosak disebabkan oleh kecuaiannya pemegang kad atau hilang.

25. Adakah Kad Komuter Link boleh dipindah milik?

Tidak. Kad Komuter Link yang telah dibeli tidak boleh dipindah milik.

26. Apakah yang perlu dilakukan apabila Kad Komuter Link yang baharu hilang dari pegangan pelanggan?

Apabila menyedari kehilangan Kad Komuter Link, tindakan berikut perlu diambil:

- a) Menghubungi Pusat Panggilan KTM Berhad di talian 03-22671200 atau *Facebook Messenger* KTM Berhad untuk membuat laporan kehilangan. Kad Komuter Link pelanggan akan disekat bagi mengelakkan baki kad digunakan pihak yang tidak bertanggungjawab.
- b) Hadir ke stesen perkhidmatan KTM Komuter berhampiran bagi mengisi Borang Permohonan Pemulangan Wang Tambang Komuter dan menyertakan laporan polis.

- c) Baki Kad akan dikreditkan ke akaun KTM Wallet pelanggan dalam tempoh masa 7 hari selepas permohonan dimajukan.
- d) Sekiranya kad hilang dijumpai, proses sekatan tidak dapat ditarik balik dan kad tidak dapat digunakan.

Nota:

- Hanya baki Kad Komuter Link baharu yang didaftarkan dalam KITS sahaja dapat dipulangkan.

27. Adakah penggunaan Kad Komuter Link dibenarkan bagi perkhidmatan KTM Komuter untuk perjalanan terus dari Sektor Lembah Klang (imbas masuk) ke Sektor Utara (imbas keluar) atau sebaliknya?

Tidak. Pemegang kad hanya dibenarkan untuk membuat perjalanan dengan transaksi lengkap (imbas masuk dan keluar) dalam sektor sama sahaja.

28. Dimanakah pengguna boleh mendapatkan maklumat terkini dan membuat pertanyaan lanjut berkaitan kad ini?

Bagi mendapatkan maklumat terkini dan pertanyaan lanjut boleh dibuat melalui:

- a) Akaun media sosial rasmi KTMB;
 - i. Facebook (KTM Berhad)
 - ii. X (@ktm_berhad)
 - iii. Instagram (ktmbofficial)

Atau

- b) Pusat Panggilan KTM Berhad di talian 03-22671200
(7.00 pagi – 10.00 malam)
- c) Kaunter di stesen

[Tamat]